

28 JUN 2003

Abdullah-Pembangunan (Bergambar)

ABDULLAH BERI JAMINAN TERUSKAN PEMBANGUNAN YG ADA SEKARANG

JEMPOL, 28 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini memberi jaminan akan meneruskan program pembangunan yang telah disusun oleh kepimpinan negara apabila menjadi Perdana Menteri, Oktober ini.

Timbalan Perdana Menteri itu berkata adalah menjadi tradisi kepimpinan Umno dan Barisan Nasional (BN) sejak dahulu lagi untuk memastikan setiap perancangan yang dibuat oleh Perdana Menteri terdahulu diteruskan oleh mereka yang mengambil alih jawatan itu.

"Kita lihat sejak zaman Tunku Abdul Rahman usahanya disambung oleh Tun Abdul Razak Hussein, kemudian Tun Hussein Onn dan sekarang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Bila tiba masanya nanti, Pak Lah akan terus beri perhatian untuk memajukan kawasan Felda, itulah jaminan Pak Lah," katanya ketika berucap pada Perhimpunan Pemimpin Bersama Rakyat di Felda Raja Alias II, Bandar Seri Jempol, di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Utama Dr Mohd Rais Yatim, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan negeri Datuk Lilah Yassin dan Pengerusi Felda Tan Sri Dr Yusof Noor.

Abdullah berkata kerajaan memerlukan sokongan rakyat dalam memastikan pembangunan yang dirancang dapat dilaksanakan, manakala rakyat pula memerlukan sebuah kerajaan yang mempunyai kepimpinan yang stabil agar mereka terus maju.

Beliau berkata kerajaan yang mementingkan diri sendiri dan untuk kawan-kawan hanya mampu bertahan sepenggal.

"Inilah tradisi kerajaan BN, membantu kebajikan rakyat. Oleh itu rakyat memberi sokongan kepada kerajaan BN," katanya.

Beliau berkata sokongan rakyat kepada kerajaan terbukti semasa kegawatan ekonomi yang berlaku pada tahun 1997, mereka memberikan dokongan yang kuat kepada kepimpinan negara sehingga pemimpin dapat menangani masalah kegawatan itu tanpa campur tangan orang luar.

"Perdana Menteri dapat bercakap dengan tegas kerana majoriti rakyat menyokong tindakan kerajaan ketika itu. Pendirian Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tegas itu adalah untuk membela kepentingan kita supaya pihak lain tidak membuat kacau bilau kepada negara," katanya.

Abdullah juga berkata kerajaan akan menubuhkan Felda Jaya di kawasan Felda di seluruh negara dengan memberi tumpuan kepada penghasilan dan pemasaran segala hasil dari penduduk di kawasan berkenaan dikumpulkan di satu tempat untuk dibangunkan.

Beliau berkata konsep ini adalah termasuk memajukan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) berasaskan pertanian untuk menambah lagi pendapatan penduduk di kawasan berkenaan dan memberi peluang pekerjaan dan ekonomi kepada generasi kedua Felda.

Buat permulaan projek perintis itu akan dilaksanakan di Negeri Sembilan, Perak dan Pahang.

Timbalan Perdana Menteri berkata penduduk Felda sebenarnya mempunyai pelbagai kemahiran seperti kegiatan menjahit, membuat kuih-muih, masakan, ukiran dan sebagainya yang boleh diperkembangkan menjadi aktiviti ekonomi yang menguntungkan.

"Mereka menjalankan kegiatan itu secara kecil-kecilan, dan apabila konsep Felda Jaya dan IKS diperkembangkan lagi, ia dapat membangunkan kawasan berkenaan," katanya.

-- BERNAMA
APG SBS PR